

13 APR 1996

Mahathir-Syariah

PM TEGUR HAKIM MAHKAMAH SYARIAH SALAH TAFSIR HAK SUAMI

KUALA LUMPUR, 13 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menegur sikap sesetengah Hakim Mahkamah Syariah yang melambat-lambatkan keputusan berhubung tuntutan perceraian atau kes penderaan isteri hanya kerana tafsiran mereka mengenai hak suami terhadap isteri berbeza daripada hakim lain.

Perdana Menteri berkata, terdapat hakim-hakim mahkamah itu yang sengaja enggan membenarkan tuntutan perceraian hanya kerana isteri merupakan hak suami dan dengan itu suami berhak melakukan apa sahaja walaupun pihak isteri mengadu bahawa dia dipukul teruk oleh suami.

"Saya terima aduan seorang isteri yang mengatakan dia dipukul oleh suami berkali-kali tetapi Hakim Mahkamah Syariah berkata itu memang hak suami untuk memukul isteri. Saya fikir ini salah tafsiran mengenai hak suami memukul isteri," katanya pada majlis dialog selepas melancarkan Program Jayawaris anjuran Biro Tata Negara, Jabatan Perdana Menteri di Pusat Islam, di sini.

Penyoalnya, seorang wanita, mendakwa Mahkamah Syariah sengaja melengah-lengahkan tuntutan perceraian yang dikemukakan oleh wanita dengan alasan kononnya mahu menyelamatkan rumahtangga pengadu sedangkan suami terbabit bebas berfoya-foya dengan kekasihnya tanpa memperdulikan nafkah isteri dan anak-anak selama empat tahun.

Perdana Menteri, yang menjawab kesemua lapan soalan yang dikemukakan kepadanya sepanjang dialog itu, mengakui masalah kelewatan Mahkamah Syariah menyelesaikan kes tuntutan perceraian dan penderaan isteri berlaku di negara ini.

Dr Mahathir berkata, alasan bahawa suami berhak terhadap isteri perlu ditafsir bersama-sama ayat-ayat lain di dalam Al-Quran mengenai keadilan.

"Adakah hak seorang suami memukul isteri bermakna dia boleh pukul isteri dia sampai teruk. Apakah itu adil?" tanya beliau.

Katanya, tafsiran seumpama itu bukan salah ajaran Islam tetapi orang yang membuat tafsiran itu sendiri berfikiran sempit kerana berpegang kepada tafsiran tertentu sahaja.

Ketika ditanya pemberita selepas dialog itu, beliau berkata, sudah sampai masanya Hakim-hakim Mahkamah Syariah dan Pegawai Perundangan Syariah di negara ini diberi latihan supaya keputusan mereka tidak dipengaruhi pandangan mereka mengenai sesuatu perkara, sebaliknya berlandaskan tafsiran yang lebih meluas.

Katanya, sukar bagi Kerajaan Pusat untuk memastikan Mahkamah-mahkamah Syariah mempercepatkan proses pengadilan kerana ia di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri dan halangan-halangan lain.

"Kadang-kala saya juga malu apabila ditanya oleh bangsa lain mengenai ketidakseragaman pelaksanaan undang-undang Syariah di negara ini sedangkan agama Islam hanyalah satu," katanya. -- BERNAMA

AH NMO